

FPP BizNewz

December 2020 – May 2021

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**TRIBUNAL TUNTUTAN
PEMBELI RUMAH:**
Pembeli vs Pemaju
Perumahan

Is Working from Home
a Dream-Come-True
for Introverts or
Vice Versa?

Market Reaction to
PRIVATE PLACEMENT

BELAJAR DENGAN
TikTok

HIBAH:
Alternatif kepada
Pengurusan Aset
Islam di Malaysia

BENGKEL PEMANTAPAN
**PENULISAN ARTIKEL
UNTUK PENERBITAN**

**BERSELAWATLAH,
TANDA KASIH KEPADA
RASULULLAH S.A.W.**

E-DOMPET
DI MALAYSIA:
SATU TINJAUAN

ONE JOURNEY
COMES TO AN END
AND ANOTHER **BEGINS**



Photo by:
M Rishal
on Unsplash

e-Bulletin of the Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811

E-DOMPET

DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN



Nor Fadzilah Zainal
Nor Hidayah Harun
 Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
 UiTM Cawangan Pulau Pinang


Kini, dunia semakin dipengaruhi teknologi digital terutamanya kesan daripada perkembangan Teknologi Kewangan (*FinTech*). Perkembangan ini bukan hanya mempengaruhi aspek teknologi pengkomputeran dan komunikasi, tetapi turut merangkumi semua aspek kehidupan termasuk kejuruteraan, perubatan, sosial, ekonomi, kewangan bahkan politik. Antara teknologi *FinTech* yang mudah dikenali dan dilihat adalah e-dompet (*e-wallet*). E-dompet merupakan satu keadaan ekonomi di mana urusan kewangan tidak dijalankan dalam bentuk wang fizikal, melainkan melalui pemindahan maklumat digital antara pihak yang mengurus niaga (Azlilah & Syuhani 2019). Teknologi e-dompet ini dilihat sebagai satu bentuk evolusi mata wang bagi proses pertukaran dan perniagaan yang mana teknologi tersebut mengubah cara pengguna melakukan pembayaran untuk produk dan perkhidmatan sama ada secara dalam atau luar talian.

Tren Penggunaan E-Dompet di Malaysia

E-dompet dilihat sebagai satu bentuk inovasi transaksi *blockchain* untuk mempercepatkan banyak transaksi dan memudahkan segala bentuk pembayaran. Malaysia ketika ini mempunyai 42 jenis dompet digital yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan lima daripada institusi perbankan di negara ini manakala yang lain terdiri daripada organisasi bukan bank atau syarikat kewangan. Antara e-dompet yang terkenal di Malaysia adalah *GrabPay*, *Touch n Go*, *Boost*, *Vcash*, dan *Razerpay*. Ekosistem e-dompet kini masih belum lengkap, namun ia sedang berubah secara pesat dan dinamik.

Sehubungan dengan itu, Malaysia telah melaksanakan inisiatif bagi merealisasikan Malaysia sebagai negara tanpa tunai 2050, iaitu ke arah ekonomi digital dan mengurangkan pergantungan kepada mata wang kertas. Pencapaian ke arah inisiatif tersebut telah menunjukkan

Rajah 1: Penggunaan E-Dompet Di Malaysia Mengikut Umur Dan Pendapatan




Sumber: Oppotus Q3 Tahun 2020

tanda-tanda positif apabila kajian impak *Mastercard 2020* di Asia Tenggara melaporkan bahawa Malaysia telah mendahului dalam penggunaan e-dompot sebanyak 40 peratus berbanding dengan 36 peratus Filipina, 27 peratus Thailand, dan 26 peratus Singapura (Harian Metro, 25 Jun 2020).

Penggunaan e-dompot di Malaysia terus mencatatkan peningkatan yang pantas kerana pengguna mula beralih ke arah kaedah pembayaran lebih selesa dan selamat. Fenomena ini dilihat semakin meluas sejak bulan Mac tahun lalu akibat

penularan COVID-19. Untuk membendung wabak COVID-19 daripada terus menular, masyarakat Malaysia, tidak kira tua ataupun muda, perlu menyesuaikan diri dengan keadaan norma baharu di mana pergerakan keluar rumah perlu dikurangkan di samping mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Berdasarkan kajian *Oppotus Q3* tahun 2020 (Rajah 1), *Gen Z* adalah generasi pengguna e-dompot yang paling tinggi di Malaysia, dengan 71 peratus responden menggunakan penyelesaian tersebut pada Q3 tahun 2020. Seterusnya diikuti oleh *Gen Y* 60 peratus, *Gen X* 59 peratus, dan *Baby*

Rajah 2: Penggunaan E-Dompot Rakyat Malaysia Mengikut Kategori



Sumber: Oppotus Q3 Tahun 2020

Boomers 43 peratus. Manakala dari segi kumpulan pendapatan pula, peningkatan penggunaan e-dompot yang paling besar dapat dilihat pada kumpulan pendapatan M40 ke atas.

Penggunaan e-dompot mempunyai potensi untuk dilaksanakan secara meluas dalam semua industri di Malaysia. Ini dapat dibuktikan berdasarkan Rajah 2, penggunaan e-dompot terus melonjak dalam kategori *F&B*, *Groceries*, dan *Convenience Stores* (CVS), disebabkan oleh pelbagai promosi yang datang dan berjalan sepanjang tahun dalam kategori ini. Keadaan ini belum lagi mengambilkira

aliran promosi tambahan yang sejajar dengan kempen e-Penjana. Seterusnya peningkatan penggunaan e-dompot untuk perkhidmatan penghantaran makanan juga terus meningkat sejak Q1 tahun 2020 dan lebih menonjol pada Q3 tahun 2020. Keadaan ini adalah bertepatan dengan norma baharu yang perlu diamalkan oleh setiap masyarakat Malaysia dalam mendepani isu COVID-19. Sebaliknya, penggunaan e-dompot untuk filem dan hotel telah mencatatkan penurunan penggunaan yang besar sejak Perintah Kawalan Pergerakan pertama (PKP 1.0) dilaksanakan. Ini kerana industri-industri tersebut sangat terkesan dengan situasi

pandemik ketika ini. Orang ramai tidak boleh bergerak bebas dalam melakukan aktiviti pelancongan dan hiburan.

Kelebihan Dan Kelemahan E-Dompot

Bagi melangkah maju ke arah '*Cashless Society*', hampir semua orang menggunakan

sekurang-kurangnya satu e-dompot. Ia seakan-akan seperti wang tunai sudah tidak diperlukan untuk membuat pembayaran. Walau bagaimanapun, perkhidmatan e-dompot ini tetap mempunyai kelebihan dan kelemahannya seperti yang dinyatakan di bawah.

KEKUATAN	KELEMAHAN
Membantu Mengawal Bajet	Menggalakkan Perbelanjaan
- Apabila pembayaran dilakukan, e-dompot akan menyimpan segala rekod perbelanjaan. - Terdapat pelbagai jenis aplikasi yang boleh digunakan dalam e-dompot yang boleh memeriksa perbelanjaan mengikut tarikh tertentu. - E-dompot dapat mengawal perbelanjaan dengan menetapkan jumlah amaun tambah nilai mengikut keperluan peribadi.	- Walaupun e-dompot mudah alih boleh membantu belanjawan, tidak mustahil ia juga dapat menggalakkan lagi pengguna untuk berbelanja lebih. - E-dompot boleh membuatkan pengguna leka dan tidak sedar jika wang yang ada semakin berkurangan. Berbanding jika wang tunai ada di tangan, pengguna pasti akan lebih peka dan berjimat.
Lebih Selamat	Risiko Pendedahan Maklumat Peribadi
- Transaksi secara digital mungkin lebih selamat kerana ia dapat mengurangkan risiko penipuan kerana ia boleh dijejak dengan mudah. - Pengesahan perlu dilakukan sebelum membuat pembayaran. Ini bermakna jika telefon pintar dicuri, mereka tetap tidak boleh mengakses e-dompot. - Dengan menggunakan e-dompot, risiko untuk dirompak atau menjadi tumpuan penyeluk saku dapat dikurangkan kerana e-dompot tidak memerlukan dompet fizikal.	- Satu lagi stigma negatif mengenai e-dompot ialah kecurian identiti dan kehilangan maklumat yang penting. - Risiko pendedahan maklumat penting atau diberikan secara tidak sengaja boleh berlaku pada sesiapa sahaja. - Apabila lebih ramai individu beralih arah kepada pembayaran atau pembelian secara digital, risiko kes penipuan dalam talian dan penggodaman maklumat juga akan meningkat.
Cepat dan Mudah	Risiko Kegagalan E-dompot
Penggunaan e-dompot tidak memerlukan semua butiran peribadi dimasukkan secara manual. Hal ini kerana segala informasi yang diperlukan untuk melakukan proses pembayaran telah disimpan dalam aplikasi e-dompot.	E-dompot yang bergantung sepenuhnya kepada aplikasi dan telefon pintar lebih mudah untuk gagal berfungsi disebabkan pelbagai faktor seperti gangguan Internet atau kerosakan pada telefon pintar itu sendiri.

	- Situasi akan menjadi lebih teruk apabila berada di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan perbankan atau mod pembayaran lain. - Kebergantungan e-dompet terhadap telefon pintar juga akan memberikan masalah kepada anda jika kehilangan telefon atau kehabisan bateri telefon.
Ganjaran Bagi Setiap Pembelian	Servis Masih Terbatas
Oleh kerana setiap syarikat e-dompet mempunyai daya saing yang tinggi, mereka kerap menawarkan pelbagai jenis ganjaran untuk memastikan perkhidmatan mereka terus digunakan.	Penggunaan e-dompet bergantung pada jenis telefon pintar, jenis perkhidmatan dan juga di negara mana ianya digunakan.
Antara ganjaran menarik yang disediakan termasuk pulangan wang, diskaun perkhidmatan, tiket wayang, atau baucer pembelian.	- E-dompet seperti <i>GrabPay</i>, <i>Touch'nGo</i>, dan <i>Boost</i> mungkin yang paling banyak digunakan di Malaysia, namun ia tidak boleh digunakan di negara-negara lain. - Kebanyakan kedai tidak mempunyai sistem pembayaran kad kredit tanpa ciri sentuhan yang juga merupakan salah satu kekangan penggunaan e-dompet. - Wang yang disimpan dalam e-dompet hanya boleh digunakan untuk transaksi pembayaran, tidak boleh dikeluarkan, dan ia akan kekal berada dalamnya tanpa berkembang.

E-Dompet Dari Sudut Perspektif Islam

Islam pada hakikatnya tidak pernah menghalang sebarang bentuk teknologi baharu. Bahkan Islam mengiktiraf dan menggalakkan penggunaan akal manusia pada tahap maksimum untuk kemaslahatan kehidupan manusia. Malah ungkapan daripada Imam Malik R.A turut menjelaskan di dalam *Fiqh Muamalat* bahawa segala bentuk transaksi dalam perniagaan adalah dibenarkan dan harus hukumnya selagi ia tidak mempunyai unsur-unsur yang dilarang dan diharamkan dalam Islam seperti *riba'*, *gharar*, dan kezaliman. Sehubungan itu, sejauh manakah teknologi e-dompet ini mematuhi prinsip syariah?

Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam JAKIM telah menetapkan empat

prinsip untuk dijadikan panduan sebelum membahaskan mengenai hukum hakam e-dompet (Hamdan, Shaari, & Tawang, 2020). Empat prinsip yang dinyatakan adalah seperti berikut:

1. Aplikasi dalam teknologi e-dompet adalah unik dan mempunyai ciri-ciri sekuriti, kaedah pemindahan, kaedah pengeluaran, dan had e-dompet yang tersendiri.
2. Penggunaan teknologi e-dompet telah diperluaskan kepada transaksi pertukaran jual beli.
3. Teknologi e-dompet dilihat sebagai satu perkhidmatan pra bayar di mana nilainya khusus untuk tujuan pembayaran.
4. Perlu difahami bahawa e-dompet hanya bertujuan untuk pembayaran dan perekodan, bukan bertujuan untuk men deposit sejumlah wang.

Berdasarkan prinsip-prinsip di atas, dapat dilihat bahawa perkhidmatan e-dompot tidak melanggar prinsip syariah selagi barangan dan perkhidmatan yang dibeli adalah patuh syariah seperti tidak membeli arak yang diharamkan. Walaubagaimanapun, masih terdapat beberapa isu yang perlu diteliti dan diambil berat oleh syarikat penyedia e-dompot sekiranya mereka ingin memastikan perkhidmatan mereka patuh syariah.

Isu pertama ialah mengenai promosi bonus isi semula. Ada syarikat penyedia e-dompot menawarkan bonus bagi setiap isian semula sebagai promosi menggunakan e-dompot mereka. Contohnya, isi RM100 dapat bonus tambahan RM5. Keadaan ini perlu diperhalusi dengan tuntas kerana bonus tambahan yang diperolehi itu boleh jadi riba sekiranya RM100 isian semula itu adalah bentuk pinjaman pelanggan kepada syarikat penyedia e-dompot. Sebarang manfaat yang diterima atas pinjaman dikenali sebagai riba'. Walau bagaimanapun, Mirza (2019) menyatakan bahawa kebanyakan syarikat penyedia e-dompot mensyaratkan pembelian bagi menggunakan bonus tersebut. Ini kerana, kebiasaannya syarikat penyedia e-dompot menggunakan keuntungan caj transaksi pembelian bagi membayar bonus tersebut kepada pelanggan. Dalam ertikata lain, bonus tersebut diambil dari keuntungan caj pembelian, bukan wang pelanggan. Selain itu, syarikat penyedia e-dompot turut menyediakan peruntukan khas bagi memasarkan e-dompot mereka. Oleh itu, kebarangkalian untuk ia menjadi satu bentuk pinjaman adalah agak jauh (Mirza, 2019). Namun, sekiranya sesebuah syarikat penyedia e-dompot itu menggunakan wang milik pelanggan bagi aktiviti lain (selain yang dibenarkan) dan memberikan bonus kepada pelanggan, maka ia termasuk dalam bentuk pinjaman dan terdedah kepada pengharaman riba. Sekiranya ini berlaku, syarikat penyedia e-dompot tersebut telah pun melanggar peraturan sebagai penyedia e-dompot dan boleh ditarik 'lesen' mereka.

Isu yang kedua pula ialah berkenaan dengan promosi yang bercanggah dengan syariah. Sebagai contoh, syarikat penyedia e-dompot menawarkan *lucky draw* kepada

pelanggan yang menggunakan e-dompot mereka. Bagi menyertai *lucky draw* tersebut, pengguna perlu membayar RM1 dari e-dompot. Sekiranya menang, mereka akan menerima hadiah berupa gajet bernilai ribuan ringgit. Namun, bagi mereka yang tidak berjaya, wang RM1 tersebut akan dipulangkan kembali ke dalam e-dompot masing-masing. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa ia sama seperti menyertai perjudian tetapi tidak mengeluarkan duit sendiri. Sungguhpun ia hanya melibatkan komitmen sebanyak RM1 untuk menyertai *lucky draw* tersebut, ia tetap menjadi satu bentuk perjudian yang tidak dibenarkan walaupun nilai RM1 itu dipulangkan kembali jika tidak berjaya.

Kesimpulan

Kesimpulannya, perkhidmatan e-dompot didapati bukan sahaja tidak melanggar prinsip syariah, bahkan ia sebenarnya dapat membantu manusia memudahkan urusan harian dan seterusnya menjadi pemacu kepada ekonomi digital negara rentetan daripada perubahan infrastruktur digital negara yang menyumbang kepada perkembangan pesat bagi semua industri di Malaysia. Sungguhpun begitu, semua syarikat e-dompot perlu telus dan teliti dalam isu teknikal proses dan kaedah promosi yang dilaksanakan agar ia sentiasa selari dengan hukum Islam.

• • •

Rujukan:

1. Azrul Azlan Iskandar Mirza (2019). Aplikasi e-Wallet: Adakah Ia Mematuhi Syariah?. Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM. <http://e-muamalat.islam.gov.my/ms/bahan-ilmiah/artikel/453-aplikasi-e-wallet-adakah-ia-mematuhi-syariah>
2. Mohd Fazrin Bin Hamdan, Mohd Yusof Bin Tawang dan Mohd Ghadafi Bin Shari (2020). Pandangan Dan Pendapat Penggunaan Aplikasi GrabPay Oleh Pengusaha-Pengusaha Restoran Makanan Di Aeon Tebrau Dan Toppen Tebrau. 3rd UUM International Islamic Business Management Conference 2020 (IBMC2020) 24-30 September 2020.
3. MyMetro (25 Jun 2020). Malaysia dahului guna dompet mudah alih/digital. Artikel Penuh : <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/06/593282/malaysia-dahului-guna-dompet-mudah-alihdigital>
4. Nor Azlizah Bt Saad dan Nor Syuhani Bt Shaari (2019). Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Konsep Urusniaga Tanpa Tunai Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Journal on Technical and Vocational Education (JTVE), Vol 4 No 2, pp. 36 – 46.
5. Oppotus Q3 Tahun 2020. <https://www.oppotus.com/e-wallet-usage-in-malaysia-2020/>



FPP BizNewz

December 2020-May 2021
Faculty of Business and Management
UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811